





PAMERAN perabot UPM sempena Majlis Pameran Ekspor Perabot di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.



ANTARA produk yang dihasilkan ialah kerusi, lampu, meja kopi dan penghadang



DR Khairul bersama meja yang dihasilkan daripada daun mengkuang.

Bukan sebarang mengkuang

■ Penyelidik UPM guna pakai tumbuhan liar hasilkan perabot

Oleh Fazurawati Che Lah

fazurawati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tumbuhan liar mengkuang bukan saja digunakan untuk membuat tikar atau aksesori seperti beg tangan, namun dengan inovasi terbaru ia diperkenalkan melalui rekaan ke atas perabot dan hiasan dalam.

Kumpulan penyelidik Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui kajian menggunakan pakai daun mengkuang sebagai gabungan elemen dalam pembuatan perabot.

Ketua Projek Profesor Dr Khairul Aidil Azlin Abd Rahman berkata, projek yang dikenali TIKAR

itu membabitkan kajian lapangan selama setahun di Kampung Bentan, Pekan, Pahang bersama tiga lagi pensyarah serta dua penuntut Sarjana Muda Reka Bentuk dan Seni Bina.

“Industri mengkuang dilihat semakin berkurangan sedangkan di sebalik pembuatan bahan itu boleh menjadi satu nilai yang tinggi jika dipelbagaikan kerana ia sebahagian identiti Malaysia yang harus dibangunkan.

“Ia salah satu nilai tradisional yang masih ada, justeru kami cuba menonjolkan elemen mengkuang terhadap barang perabot dan hiasan dalaman kerana ingin menarik masyarakat bandar yang kini lebih gemarkan gaya kontemporari dan klasik sebagai hiasan rumah,” katanya.

tanya.

Beliau ditemui di Majlis Pameran Ekspor Perabot di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini, semalam.

Menurutnya, bagi kajian itu kumpulan berkenaan mendapat bantuan geran Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) UPM bernilai RM36,000 bagi projek TIKAR.

“Pelbagai teknik baru turut digabungkan bagi mengukuhkan mengkuang antaranya guna gam dan acuan untuk membentuk bagi sesetengah produk.

“Antara produk yang dihasilkan, termasuk kerusi, lampu, meja kopi dan penghadang yang digabungkan dengan anyaman mengkuang mengikut nilai estetika,” katanya.

